



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

PESTA SENI DAN KEBUDAYAAN BUKIT
MERTAJAM

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOWH
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

16 OGOS 2019 (JUMAAT)

7.30 MALAM

TINGKAT ATAS PASARAYA BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong

Timbalan Menteri Belia dan Sukan

Merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita,

Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam

Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan,

Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Marc Teh Bak Eam

Pengerusi Penganjur Program Pesta Seni dan Kebudayaan Bukit Mertajam

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ahli-Ahli Rakan Bukit Mertajam

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kepada tuhan kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Program Pesta Seni dan Kebudayaan Bukit Mertajam anjuran bersama Rakan BM dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang sudi hadir dan merasmikan program ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam; Yang Berhormat Puan Chong Eng, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian, Ahli-ahli Majlis MPSP; Puan Setiausaha Perbandaran; Ketua-Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP; dan yang terutamanya para pemimpin tempatan, peniaga dan

komuniti Bandar Bukit Mertajam yang hadir untuk menjayakan program pada petang ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Encik Marc Teh Bak Eam, Pengerusi Penganjur Program Pesta Seni dan Kebudayaan Bukit Mertajam dan pasukan beliau yang telah berjaya menganjurkan program ini yang dilaksanakan mulai 15 hingga 18 Ogos 2019.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Untuk makluman para hadirin sekalian, MPSP telah menandatangani satu perjanjian persefahaman (MOU) pada 20 Oktober 2015 bersama Bandar Yokohama, Jepun, *the Japan International Cooperation Agency* (JICA); *Yokohama City University*; Universiti Sains Malaysia dan Jawatankuasa Persahabatan “*Yokohama-Seberang Perai Urban Development*”. Projek yang dikenali sebagai “*The Project to Create Townscape / Communities for Seberang Perai Municipal Council (Malaysia) that Ascend Its History and Nature*” dan merupakan salah satu projek di

bawah program kerjasama JICA iaitu “*grassroots projects of technical cooperation*” dan Bukit Mertajam telah dipilih sebagai kawasan kajian.

Projek kerjasama ini melibatkan kajian bagi tempoh selama tiga (3) tahun dan telah tamat pada Disember 2018. Objektif utama kajian ini adalah untuk meremajakan semula Bandar Bukit Mertajam dengan memelihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dan terancang untuk penduduk. Hasil daripada kajian, beberapa siri latihan teknikal dan beberapa siri *community engagement* dengan komuniti Bandar Bukit Mertajam, Projek ‘*Urban Renewal of Bandar Bukit Mertajam*’ ini telah berjaya melaksanakan lima (5) projek *pilot* di dalam Bandar Bukit Mertajam. Projek tersebut adalah **pemasangan papan informasi Bandar Bukit Mertajam, pemasangan plat di bangunan yang bernilai warisan, penyediaan Buku Panduan Bukit Mertajam, pemasangan mural di tangga Pasar Awam Bukit Mertajam dan pemasangan ‘sunshade’ di lorong sisi antara Jalan Datuk Ooh Choi Cheng dan Jalan Che Bee Nor.**

Selain daripada lima (5) projek perintis yang telah dilaksanakan, projek ini juga telah berjaya menghasilkan **Draf Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Bukit Mertajam.** Garis panduan ini masih di peringkat penyelarasan dan akan mengumpulkan maklumbalas daripada agensi

teknikal serta komuniti sebelum dilaksanakan. Objektif garis panduan ini adalah bagi memandu pembangunan di Bandar Bukit Mertajam dengan mengambilkira identiti tempatan yang mempunyai nilai warisan serta asset ekonomi yang pelbagai di samping mewujudkan persekitaran yang menarik bagi Bukit Mertajam.

Selain itu, kajian berkaitan trafik dan lalulintas juga telah dilaksanakan di sepanjang tempoh projek kerjasama ini. Hasil kajian trafik ini akan membantu MPSP merancang tindakan penyelesaian bagi kesesakan lalulintas, kekurangan tempat letak kereta dan akses pejalan kaki bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Cadangan projek-projek ini mengambil kira pandangan daripada pemimpin dan komuniti setempat. Selain itu, aktiviti kaji selidik dan lain-lain bentuk *community engagement* akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan pembangunan semula Bandar Bukit Mertajam mengambil kira pandangan dan kepentingan komuniti. Projek Rekabentuk Bandar Bukit Mertajam ini turut menggalakkan penyertaan dalam bentuk idea dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) daripada pihak swasta dan individu bagi bersama-sama MPSP merealisasikannya. Setakat ini MPSP telah menerima beberapa tawaran daripada beberapa pihak swasta dan Badan Antarabangsa bagi bersama-sama melaksanakan projek-projek ini.

MPSP turut ingin menjemput pihak swasta dan individu yang ingin bersama-sama membangunkan semula Bandar Bukit Mertajam dan menyokong inisiatif 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Bukit Mertajam merupakan satu bandar kecil yang amat bersejarah dan di antaranya adalah keindahan kesenian dan kebudayaan Bukit Mertajam. Pesta Seni dan Kebudayaan Bukit Mertajam ini dianjurkan bertujuan untuk memperkenalkan seni budaya masyarakat berbilang kaum kepada komuniti Bukit Mertajam dan juga pengunjung-pengunjung di Bukit Mertajam baik dalam negeri mahupun luar negeri. Matlamat utama program ini adalah untuk:-

- i. Memperkenalkan kebudayaan dan kesenian kepelbagaian kaum melalui persembahan budaya serta kegiatan seni agar budaya dan kesenian tersebut tidak lapuk ditelan zaman;
- ii. Memupuk semangat cintakan budaya dan kesenian berbilang kaum agar generasi seterusnya dapat mengamalkan budaya dan kesenian yang amat berharga.

- iii. Memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan dan nilai-nilai sejarah di Bandar Bukit Mertajam.

Program dimulakan pada 15 Ogos 2019 sehingga 18 Ogos 2019. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti persembahan kebudayaan seperti tarian dan nyanyian, persembahan koir, persembahan orkestra, seminar, pameran, pertandingan fotografi dan juga pertandingan melukis. Sekiranya program ini mendapat sambutan yang hangat daripada pengunjung, pihak penganjur akan mempertimbangkan untuk mengadakan program sebagai program tahunan.

Saya yakin penganjuran program seperti ini adalah satu usaha untuk mengenali sejarah perkembangan dan kebudayaan di Seberang Perai yang seterusnya memupuk semangat perpaduan, toleransi beragama dan keharmonian antara kaum.

Marilah kita bertekad untuk memperbaharui diri kita dan melangkah ke arah kebaikan, khususnya dalam perhubungan kita antara satu sama lain. Jika kita semua, tanpa mengira kaum agama dan bangsa, mengambil langkah ini, pasti, hubungan kita antara satu sama lain akan lebih erat dan perpaduan yang menjadi lambang kejayaan kita akan terus teguh dan

kukuh demi menjamin masa depan negara kita. Oleh itu, usaha seperti ini perlu diketengahkan untuk mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*”.

Saya juga menyeru kepada para hadirin sekalian bersama-sama mengambil bahagian serta memberi pandangan dan cadangan agar MPSP dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta dapat membangunkan Bandar Bukit Mertajam mengikut kepada acuan dan kehendak warga Bukit Mertajam khususnya dan warga Seberang Perai amnya.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua, yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MPSP telah telah mengorak langkah menjadi bandaraya pada 16 September 2019. Kejayaan ini merupakan hadiah yang tidak ternilai yang harus dibanggakan. Memandangkan kita semua berada di ambang bandaraya, tanggungjawab kita akan menjadi lebih berat terutama dari segi

kebersihan, pencahayaan, menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan tempat riadah yang selesa dan bermacam-macam lagi.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Rakan BM dan rakan penganjur kerana telah berjaya menganjurkan Program Rakan BM “Balik Kampung” Karnival Clan Seberang Perai. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada hadirin yang hadir bagi menjayakan dan memeriahkan program pada hari ini.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.